

Jenis Akhbar : Kosmo Online
Tarikh : 04/08/2019
Edisi / Muka surat : www.kosmo.com.my
Tajuk : Tabung infaq Angkasa salur dana RM5.1 juta

Tabung infaq Angkasa salur dana RM5.1 juta

04 Ogos 2019 11:15 AM



Kamarudin Ismail memerhatikan pelajar Akademik Faqeh bermain dengan haiwan peliharaan di pusat pengajian al-Quran untuk kanak-kanak istimewa itu di Nilai semalam.

NILAI – Sebanyak RM5.1 juta dana daripada Tabung Infaq Lil-Waqf Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) telah disalurkan kepada golongan kurang berkemampuan sehingga tahun lalu.

Timbalan Presiden Angkasa, Datuk Kamarudin Ismail berkata, sumbangan sejak 2014 itu termasuk kepada golongan kurang upaya (OKU) bertujuan membantu meringankan beban mereka.

“Dana yang disalurkan ini termasuk hasil infaq oleh Angkasa sendiri, anggota koperasi, pelanggan melalui potongan gaji, agensi korporat dan individu.

“Kami agihkan dana ini kepada pelbagai saluran seperti pusat perlindungan, pusat penjagaan, perkhidmatan kesihatan dialisis, pusat perniagaan koperasi, institusi pendidikan serta pembelian bangunan untuk diwaqafkan,” katanya pada sidang akhbar Majlis Perasmian Laman Agro Coop Care Angkasa-Faqeh Jom Tanam Sejuta Pokok di sini semalam.

Sementara itu, Kamarudin memberitahu, projek Laman Agro Coop Care Angkasa-Faqeh memberi peluang kepada kanak-kanak istimewa di Akademi Faqeh menanam sayur-sayuran organik di samping mempelajari teknik asas perniagaan.

Akademi Faqeh merupakan pusat pengajian al-Quran untuk kanak-kanak OKU pelbagai kategori termasuk autisme, sindrom down, disleksia, lembam dan pekak.